

# Perihal småles

# BERITA BUG

Musim Luruh 2019



Issue No. 03/2019

MCI (P) 081/07/2019

© Inter IKEA Systems B.V 2019





# Kandungan

- 03 Kata alu-aluan daripada Sara
- 04 Menu baharu untuk kanak-kanak
- 06 Jenis-jenis pokok
- 08 Pokok ajaib di seluruh dunia
- 10 Mengapa dedaun bertukar warna dan gugur
- 12 Cari perbezaan
- 14 Mengapa pokok amat penting
- 16 Berita pembasmian hutan
- 19 Bagaimana kami dapat membantu
- 20 Peti masuk @ småles
- 22 Hasilkan salasilah keluarga adik-adik sendiri
- 23 Conteng-conteng
- 24 Komik

## Hai småles!

Hur mår du? (Adik-adik apa khabar?) Kami sangat gembira menerima banyaknya surat-surat dan kerja-kerja seni adik-adik yang cantik-cantik belaka!

Sekarang ini, kita berada dalam musim luruh, salah satu daripada musim kegemaran kami! Cuaca di Småland sudah mula sejuk dan hutan ajaib mula bertukar warna kepada warna keemasan dan merah.

Pernahkah adik-adik terfikir betapa pentingnya dan ajaibnya pokok-pokok ini? Kami sayangi hutan kami dan terdapat banyak perkara-perkara hebat tentangnya yang boleh adik-adik pelajari pada **muka surat 6 & 7**.

Harap-harap kami dapat bertemu adik-adik tidak lama lagi di gedung IKEA. Jangan lupa untuk membawa sedikit kertas untuk bubur kertas kami yang enak dan lazat!

Dengan pelukan sangat mesra,  
Sara

# Menu Baharu Untuk Kanak-kanak






Untuk ahli smāles sahaja:  
**Satu hidangan utama dengan susu**  
**RM 5.50**

3 hidangan utama untuk dipilih:  
 4 biji Bebola Daging/Pasta untuk kanak-kanak/Nuget Ayam



Bolehkah adik-adik lengkapkan teka kata silang ini?  
 (Lihat pembayang kami di bawah)



## MELINTANG:





## Jenis-jenis pokok

Tahukan adik-adik? Terdapat dua jenis pokok yang utama: **daun luruh** dan **malar hijau**.

**Pokok daun luruh** kehilangan semua daun-daunnya pada masa tertentu sepanjang tahun, ini bermula pada musim luruh dan pokok-pokok menjadi gondol menjelang musim sejuk.



### Pokok Mapel

Getah daripada Pokok Mapel Gula digunakan untuk menghasilkan sirap mapel yang manis kegemaran kita.

Antara **pokok daun luruh** yang terkenal ialah:

### Pokok Cherry Blossom

Silira pokok ini bertukar kepada warna merah jambu yang indah apabila daun mula bercambah dan bunga berkembang semasa musim bunga.



### Pokok Weeping Willow

Pokok Weeping Willow mendapat namanya, kerana air hujan yang menitis ke bumi dari dahan-dahannya yang melandut berbentuk seakan air mata.

Pokok-pokok malar hijau tidak kehilangan semua daun-daunnya pada masa yang sama. Pokok malar hijau yang sihat tidak pernah tanpa daun! Daun-daunnya gugur sedikit pada satu-satu masa dengan daun baharu kemudian tumbuh bagi menggantikan yang lama. Kebanyakannya hidup di kawasan tropika, namun ada juga yang tumbuh dalam cuaca sejuk.

Ini ialah antara beberapa **pokok malar hijau** yang biasa:

### Pokok Mangga

Pokok ini membuahkan 'ratu buah-buahan'. Adik-adik mungkin pernah menikmati rasa masam manis buah mangga sebelum ini!



### Pokok Pain

Pokok Krismas ada daun berbentuk jejarum dan daun-daunnya tidak gugur, walaupun semasa musim sejuk.

### Pokok Hujan-hujan

Pokok istimewa ini ada silira yang berbentuk seperti payung. Ia mendapat namanya bersempena daunnya yang terlipat ke atas sebelum dibasahi hujan.



Sumber:

<https://www.kidzone.ws/plants/trees.html>  
<https://www.straitstimes.com/singapore/environment/get-to-know-these-9-well-known-heritage-trees>  
<https://www.nationalgeographic.com/people-and-culture/food/the-plate/2015/12/02/global-warming-pushes-maple-trees-syrup-to-the-brink/>  
<https://www.nparks.gov.sg/activities/family-time-with-nature/recommended-activities/know-10-trees/1-rain-tree>



## Hutan ajaib di seluruh dunia

### Hutan Buluh Sagano

Terdapat di pinggir luar Kyoto, Japan. Hutan ini terkenal dengan batang buluhnya yang tinggi-tinggi dan alunan muzik semula jadinya apabila daun-daunnya bergerak ditiup angin.



### Hutan Bengkok

Terdapat di luar Nowe Czarnowo, Barat Pomerania, Poland. Pokok pain di sini tumbuh secara bengkok 90 darjah dan kebanyakannya bengkok ke arah yang sama iaitu Utara.



### Hutan Kayu Putih Pelangi

Terdapat di Maui, Kaua'i, O'ahu dan Hawaii. Pokok berwarna-warni ini akan membuat anda rasa bagai berada di dalam lukisan! Adakah adik-adik tahu yang pokok-pokok ini boleh didapati di negara-negara jiran kita seperti di Filipina, Indonesia dan Papua New Guinea?



### Pokok Baobab Gergasi

Terdapat di Afrika, Madagascar dan Australia. Apabila daun pokok ini gugur, ia kelihatan seakan terbalik dengan akarnya ke atas! Adakah adik-adik tahu ia boleh hidup sehingga beberapa ribu tahun lamanya?



Sumber:  
<https://edition.cnn.com/travel/article/sagano-bamboo-forest/index.html>  
<https://www.nparks.gov.sg/gardens-parks-and-nature/heritage-trees/ht-2016-283>  
<https://www.iflscience.com/environment/what-could-have-caused-polands-crooked-forest/>  
<https://evrhi.com/hawaiis-spotlight-rainbow-eucalyptus-trees/>  
<https://easyscienceforkids.com/dragon-blood-tree/>

### Pokok Darah Naga

Terdapat di Yemen. Pokok ini seakan cendawan gergasi dan mendapat namanya bersempena getahnya yang berwarna merah.





## Mengapa daun-daun bertukar warna dan gugur?



Tugas daun ialah untuk mengubah cahaya matahari dan air kepada makanan untuk pokok dengan menggunakan Klorofil. Air diresap dari tanah melalui batang dan dahan, terus ke daun-daun. Proses pembuatan makanan ini dipanggil Fotosintesis dan Klorofil yang menjadikan daun-daun hijau.


Semasa musim luruh, terdapat kurang cahaya matahari dan cuaca menjadi bertambah sejuk. Sebagai persediaan pada musim sejuk, pokok-pokok mula mengeluarkan nutrien daripada daun-daunnya dan kemudian menyimpannya di dalam batangnya. Ini menyebabkan warna sebenar daun-daun terserlah... Betul! Warna-warna merah, kuning, keemasan dan jingga telah bersembunyi sekian lama di situ!

Akhirnya, daun-daun bertukar kepada perang dan ia gugur ke tanah atau ditiup angin entah ke mana.

Cahaya matahari



Air



Bolehkah adik-adik cari semua perkataan yang ada kaitan dengan Musim Luruh?

(Lihat pembayang kami di bawah!)



M	J	I	N	G	G	A	D	L
U	S	U	T	A	L	L	A	E
S	E	G	U	G	U	R	U	P
I	P	S	A	U	L	N	N	A
M	E	P	I	J	M	A	D	L
L	B	U	L	A	R	N	A	S
U	L	M	Y	G	L	L	U	W
R	A	E	K	U	N	I	N	G
U	B	U	D	N	S	L	R	O
H	U	A	M	G	K	I	N	R

\*L\_\_U

\*K\_NI\_G

\*J\_G\_\_G

\*T\_A\_

\*EP\_L

\*MU\_IM L\_R\_H

\*J\_N\_\_A

\*D\_\_N-D\_\_N

\*G\_G\_R





## Cari perbezaan

Bolehkah anda cari 20 perbezaan di dalam lukisan ini?

Hantarkan jawapan adik-adik berserta nama, nombor pasport Smalish, umur, alamat dan butir-butir hubungan ke [sara@smales.com.my](mailto:sara@smales.com.my) atau **smales, No 2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling jaya, Selangor**, selewat-lewatnya pada **25 Oktober 2019**. 30 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi **Mangkuk KALAS**, pelbagai warna.





## Mengapa pokok amat penting?

### Tempat tinggal banyak haiwan

Sebanyak kira-kira tiga suku haiwan di dunia tinggal di hutan-hutan dan hutan hujan. Kelawar penghisap darah dan anakonda tinggal di hutan hujan Amerika Selatan. Sementara itu panda gergasi dan orang utan tinggal di hutan-hutan di Asia, manakala gajah pula di hutan hujan Afrika. Tentu sekali, terdapat banyak haiwan dan serangga yang lebih kecil juga tinggal di situ, seperti pepatung, katak pokok, dan sekurang-kurangnya beratus-ratus jenis semut. Sebab itu jika ada haiwan yang kehilangan tempat tinggalnya, maka ada yang akan lenyap buat selama-lamanya.

### Pokok juga menyediakan makanan

Untuk burung-burung, hidupan liar, dan malah adik-adik dan saya! Seperti pokok epal, mangga dan kelapa!

### Pokok membersihkan udara dan menyerap gas rumah hijau

Pokok-pokok menyerap bau dan bantu memerangkap partikel berbahaya pada daun-daun dan kulitnya. Tidakkah adik-adik sama bersetuju yang udara akan sentiasa lebih segar apabila terdapat banyak pokok di sekitar kita?

Walau bagaimanapun, apabila pokok-pokok ditebang, ia melepaskan semua gas rumah hijau yang berbahaya ini kembali ke atmosfera, yang mana meningkat dan memburukkan lagi pemanasan global. Oh tidak!

### Sebahagian daripada kitaran air dan bantu mengelakkan banjir

Semasa air hujan jatuh ke bumi, ia ditapis melalui lantai hutan dan pokok bantu menyerap kebanyakan daripadanya. Pokok dan lain-lain tumbuhan kemudiannya melepaskan air kembali ke atmosfera dan kitaran air berulang kembali apabila ia hujan lagi.

### Hakisan tanah

Akar pokok juga bantu mengukuhkan tanah. Tanpanya, tanah akan mudah dihakis atau ditiup angin, yang akan mengakibatkan tanah runtuh, dan masalah tumbesaran tumbuh-tumbuhan.

Gas rumah hijau menjadi awan

Titisan air kembali ke atmosfera

Hujan

Gas rumah hijau

Titisan air diserap oleh akar



## Berita pembasmian hutan

Semakin meningkatnya jumlah manusia yang tinggal di bumi, semakin banyak kediaman dan makanan diperlukan. Pada bulan Mei tahun ini, hutan hujan Amazon di Brazil kehilangan 739 km persegi. Keluasan itu sama dengan dua padang bola sepak bagi setiap minit!

Apakah pembasmian hutan? Ia ialah apabila hutan ditebang untuk menghasilkan barangan seperti kertas atau memberi ruang untuk bangunan.

SETIAP MINIT



Brazil menempatkan lebih setengah daripada Hutan Amazon - hutan hujan tropika dunia paling luas yang memainkan peranan penting terhadap perubahan iklim dan pemanasan global. Pokok hutan hujan bantu menyejukkan bumi kerana ia melepaskan banyak air kembali ke atmosfera.

PEMASANAN GLOBAL



Terdapat lima hutan hujan yang utama:

Amazon di Amerika Selatan

Kongo di Amerika Tengah

Asia Tenggara

Papua New Guinea

Madagascar



Berabad-abad yang lalu, lebih setengah daripada tanah di bumi diliputi hutan belantara. Walau bagaimanapun, disebabkan pembasmian hutan sejak tahun-tahun kebelakangan ini, kini terdapat kira-kira kurang daripada satu persepuluh daripadanya yang tinggal. Dianggarkan bahawa dalam masa 100 tahun akan datang, tidak ada yang tinggal. Bolehkah adik-adik bayangkan dunia jika hutan tidak wujud?

LEBIH DARI PANDUA SEPANJANG

BERABAD-ABAD YANG LALU




HARI INI

SATU PERSEPULUH





## Kira setiap lukisan!



## Bagaimana kami dapat membantu?

### Kurang menggunakan kertas

Gunakan semula kertas yang telah digunakan pada sebelah muka surat sahaja. Jangan cetak sepanjang masa. Jika adik-adik perlu berbuat demikian, gunakan kertas kitar semula. Perlukan buku baharu untuk dibaca? Pinjamnya dari perpustakaan atau kawan, daripada membelinya. Berkongsi buku ialah cara yang hebat untuk mengurangkan keperluan untuk kertas dan menggunakan semula bahan-bahan.



Dengan menebang pokok untuk menghasilkan barangan seperti buku dan kertas mewujudkan kerosakan jangka panjang di hutan-hutan di mana haiwan tinggal. Kita semua boleh membantu mengurangkan pembasmian hutan melalui cara-cara yang mudah ini.

### Kitar semula semua sisa kertas

Jika kami mengitar semula produk buatan pokok seperti kertas, kami boleh menggunakannya berulang-ulang kali. Akan terdapat permintaan yang lebih rendah bagi produk buatan pokok.



### Amalkan Tanpa Kertas

Cuba gunakan komputer atau tablet bagi membantu adik-adik mengambil nota untuk kerja rumah adik-adik. Gunakan pinggan dan cawan yang boleh dibasuh berbanding menggunakan cawan dan pinggan kertas pakai buang.



### Mesra persekitaran

Sampai mesej kepada rakan-rakan serta keluarga anda betapa pentingnya hutan hujan pada dunia. Minta ibu-bapa adik-adik membeli barangan daripada syarikat yang mengamalkan ciri-ciri mesra persekitaran.





# PETIMASUK @ SMALES

Tema keluaran lepas:

Sara dan Bugbug membuat keputusan untuk menyertai pesta sains yang berhampiran. Apa yang mereka lihat di sana?



Ainul Maradhiah Mirza Binti Amir, 11 tahun

Lukisan terbaik



Tan Khai Wei, 11 tahun

Sara dan Bugbug memutuskan untuk keluar dan membuat orang-orang salji. Agaknya apa yang adik-adik fikir yang terhasil?

Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, di belakang lukisan dan hantarkan penyertaan adik-adik ke [sara@smales.com.my](mailto:sara@smales.com.my) atau **smales, No 2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor**, selewat-lewatnya pada **25 Oktober 2019**.

2 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi **Boneka jari TITTA DJUR**.



One peaceful evening, Sara and Bugbug decided to try out a new science experiment at home. Bugbug wanted to make a Grow-fast potion for his new cherry plant. Having no idea on what he was going to make, Sara agreed to try and make a Grow-fast potion.

To make the potion, they needed to collect a number of specific ingredients. Next, they get a cauldron ready to brew the potion and stir in 4 pieces of Boomslang skin, 1 Gillyweed, 11 Bottle-flies' wings and 7 drops of Slug's slime.

But unfortunately, when Sara was about to pour the 7th drop of Slug's slime a frog hopped onto his nose and made him jump. As he jumped, Sara accidentally poured the whole bottle of Slug's slime into the cauldron! For 3 minutes Sara and Bugbug waited for something disastrous to happen but everything stood still for a moment so they thought they could carry on with their experiment as if nothing had gone wrong.

But suddenly the potion turned blue then green, red, and then in a flash it exploded in a huge "Poof!" and the cauldron shattered into a hundred pieces! What a to-do there was! Sara and Bugbug had to work a lot to get their home right again.

They almost gave up, but luckily their friend Mary the Hare came by and saw the mess that their home was in. She was a tidy little Hare and in 5 minutes their home was back to normal. In fact, Sara and Bugbug's house looked even better than it was ever before. Much cleaner and tidier!

The two boys said goodbye to Mary and thanked her with all their hearts. They went into their home with cheerful smiles on their faces. Even though their experiment was not a success, they were happy because they got to meet their friend Mary and they lived happily ever after.

Nur Qasrina Binti Mohd Asrul, 10 tahun

Surat terbaik


Tema keluaran lepas: Sara dan Bugbug memutuskan untuk mencuba eksperimen sains yang baharu di rumah. Apa yang adik-adik fikir terjadi?

It was raining outside. Sara and Bugbug were bored. Sara decided to try out a new experiment but, Bugbug think it's too dangerous. Then, Bugbug agreed to do the science experiment. Both of them changed into their experiment clothes. While they were doing the experiment, Bugbug accidentally poured something else into the mixture. It was going to explode! Before it could explode, Sara went to the phone and called a scientist. The scientist came into their house and put a drop of some liquid. The mixture didn't explode! Sara and Bugbug thanked the scientist for helping them. After the scientist left, Bugbug apologized for pouring the liquid.

Nirenjany Aruna, 8 tahun

Sara dan Bugbug memutuskan untuk keluar dan bermain-main di atas salji. Semasa bermain Bugbug tersandung pada sesuatu di atas salji. Adik-adik fikir apa yang mereka jumpa?

Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, dan hantarkan surat adik-adik ke [sara@smales.com.my](mailto:sara@smales.com.my) atau **smales, No 2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor**, selewat-lewatnya pada **25 Oktober 2019**. 2 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi **Mainan lembut, kucing LATTJO**.





## Hasilkan salasilah keluarga adik-adik sendiri

Apa yang adik-adik perlukan:

- Kertas kosong yang besar
- Kertas berwarna untuk daun adik-adik (hijau, kuning & merah)
- Cat berwarna perang
- Pen papan putih
- Gunting
- Glu

1 Pada kertas kosong, lukiskan batang pokok dengan dahan-dahannya menggunakan cat berwarna perang.

2 Potong kertas berbentuk daun daripada kertas berwarna adik-adik.

3 Kemudian, lukis setiap nama ahli keluarga pada sekeping daun.

4 Akhir sekali, glu setiap daun pada dahan yang bercat.



## Conteng-conteng

Kumpulkan dedaun yang gugur dan hasilkan sebuah gambar!

